

11 JUN 1999

60,000 MASYARAKAT SIAM MALAYSIA SOKONG PERDANA MENTERI

BESUT, 11 Jun (Bernama) -- Kira-kira 60,000 masyarakat siam di seluruh negara berikrar memberi sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengekalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) di negara ini.

Pengerusi Persatuan Masyarakat Siam Malaysia (PMSM) Senator Datuk, Charern Imtachat berkata seluruh masyarakat Siam di negara ini yakin dengan kerajaan BN dan menolak mana-mana parti lain dalam pilihan raya umum akan datang.

Katanya, masyarakat Siam telah melafazkan janji taat setia untuk menyokong BN, kerana BN terbukti mampu memerintah negara dengan adil dan berjaya mewujudkan suasana harmoni di kalangan rakyat berbilang kaum.

Beliau berkata kepercayaan masyarakat Siam kepada BN khususnya UMNO menyebabkan sebilangan masyarakat Siam khususnya di Kedah menubuhkan cawangan Umno, manakala di tempat-tempat lain mereka menjadi anggota parti itu di tempat masing-masing.

Charern berkata demikian kepada pemberikta selepas upacara ikrar menyokong kerajaan secara beramai-ramai yang membabitkan 5,000 masyarakat Siam dari seluruh negara di kampung Keluang, sebuah penempatan masyarakat Siam di daerah Besut, di sini hari ini.

Beliau berkata pihaknya telah menjelajah ke seluruh negara sejak beberapa bulan lalu bagi memberi penerangan kepada masyarakat Siam mengenai pelbagai isu semasa, dan sambutan yang diberikan oleh masyarakat berkenaan amat baik.

Katanya daripada ikrar dan janji yang diberikan masyarakat Siam, membuktikan mereka akan berganding bahu untuk memastikan BN terus memerintah negara selepas pilihan raya umum nanti.

-- BERNAMA

ND RI